

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

22. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-rancangan baharu untuk membantu gelandangan selain Agenda Ekonomi Saksama (AES)?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk membina sebuah pusat transit gelandangan di lot 19, Jalan C.Y. Choy, Georgetown. Bangunan ini adalah bangunan rumah kedai dua tingkat milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Program ini akan menempatkan gelandangan di pusat transit tersebut selama 6 hingga 12 bulan. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadang diuruskan oleh pihak Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah dikenalpasti oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.

Sepanjang tempoh tersebut, gelandangan akan diberi latihan yang bersesuaian dengan kemampuan dan minat mereka. Pekerja sosial atau sukarelawan daripada NGO akan menjadi tenaga penggerak dalam program ini. Seterusnya, kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta akan dipertingkatkan dengan menggalakkan pihak majikan mengambil golongan ini sebagai pekerja mereka.

Manakala, bagi gelandangan yang tidak produktif seperti warga emas, ataupun mereka yang mempunyai penyakit berjangkit, mereka akan ditempatkan di pusat-pusat yang dikendalikan oleh NGO yang sedia ada secara kekal sekiranya mereka ini sebatang kara ataupun saudara mara dan anak-anak mereka tidak dapat dikesan. Kerajaan Negeri akan memberikan geran pentadbiran dan rangsum kepada NGO yang berkaitan.

Selain itu, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia juga sedang membangunkan sistem *profiling* gelandangan dan telah memilih Pulau Pinang sebagai *pilot project*. Sistem ini akan merekodkan maklumat-maklumat berkaitan gelandangan yang diselamatkan melalui aplikasi telefon pintar atau komputer dan membantu pegawai penguatkuasa mengenal pasti gelandangan samada kes baharu atau berulang. Dengan adanya sistem *profiling* ini, ianya dapat membantu agensi kerajaan yang berkaitan dalam merangka strategi yang bersesuaian untuk membantu golongan gelandangan.